

09 NOV 2001

Risda-Bantuan

RM2.1 JUTA UNTUK PEKEBUN KECIL GETAH N/SEMBILAN

TAMPIN, 9 Nov (Bernama)-- Risda Negeri Sembilan akan menyerahkan baki RM2.1 juta daripada Skim Bantuan Sara Hidup Pekebun Kecil Getah daif negeri ini, kepada pekebul kecil dua minggu sebelum Hari Raya Puasa ini, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamaed Isa Abdul Samad.

Katanya setakat ini RM 1.9 juta daripada RM4 juta bantuan bagi tiga bulan pertama sudah dijelaskan kepada 526 pekebun kecil di daerah Tampin.

Bantuan itu mungkin dapat membantu mereka membuat persiapan Hari Raya, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan berkenaan kepada pekebun kecil di Dewan Majlis Daerah Tampin, di sini hari ini.

Katanya bantuan itu diberikan kepada pekebun yang mempunyai tanah tidak melebihi 2.5 hektar.

Seramai 2,567 orang pekebun kecil negeri ini layak menerima bantuan itu dan pekebun yang nama mereka tercicir, boleh mengemukakan permohonan kepada RISDA di daerah masing-masing, katanya.

Mengenai mesyuarat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Mohamad Isa berkata perbincangan bertumpu kepada tugas menggerakkan ekonomi supaya semua projek kerajaan berjalan lancar.

Ekoran itu katanya Kerajaan Negeri Sembilan telah mengarahkan semua Pegawai Daerah mengadakan mesyuarat dengan Setiausaha Kerajaan Negeri pada setiap Isnin bagi memantau semua projek yang dijalankan di daerah masing-masing.

Beliau juga meminta wakil rakyat menyelaraskan semua program pembangunan supaya dilaksanakan mengikut jadual.

-- BERNAMA

AS LAT